



Anugerah Fellowship Naib Canselor - Penyelidikan dan Inovasi *Kategori Penyelidik Muda*

Kluster Sains dan Teknologi

Dr. Amimul Ahsan

Fakulti Kejuruteraan

AMIMUL AHSAN dilahirkan di Netrokona (Bangladesh) pada tahun 1982. Beliau dikurniakan B.Sc. Kejuruteraan Awam pada tahun 2003 dan M.Sc. Kejuruteraan Alam Sekitar pada tahun 2005 daripada Khulna University of Engineering and Technology (KUET), Bangladesh. Beliau menjadi Pensyarah di Khulna University (KU), Bangladesh pada tahun 2006. Pada tahun 2009, beliau memperoleh Ph.D. Kejuruteraan Alam Sekitar daripada University of Fukui, Jepun. Kerajaan Jepun telah menganugerah beliau dengan biasiswa berprestij dunia iaitu “Monbukagakusho Scholarship” untuk pengajian Ph.D. beliau dari tahun 2006 hingga 2009. Dr. Amimul Ahsan menyertai Jabatan Kejuruteraan Awam, Fakulti Kejuruteraan, Universiti Putra Malaysia (UPM) sebagai Pensyarah Kanan sejak April 2010. Bidang penyelidikan beliau termasuk Kejuruteraan Alam Sekitar, Rawatan Air dan Air Sisa, Rawatan Air Bawah Tanah, Penyahmasinan Solar, Pengkomposan, Penuaian Air Hujan, dan Pengurusan Sisa Pejal/Berbahaya.

Sebagai seorang ahli akademik di UPM, Dr. Ahsan bergiat aktif dalam pengajaran dan penyelidikan di Jabatan Kejuruteraan Awam. Beliau mengajar beberapa kursus teras Kejuruteraan Alam Sekitar dan Air peringkat prasiswazah dan siswazah. Beliau telah meningkatkan kemahiran pengajaran dan pengalaman sepanjang kerjaya beliau. Di bawah penyeliaannya, 45 pelajar Ijazah Sarjana Muda (Projek Akhir Tahun), 23 pelajar Sarjana (tanpa tesis), 4 pelajar Sarjana (dengan tesis), 6 pelajar Ph.D. telah menamatkan penyelidikan saintifik





mereka (sebagai penyelia dan penyelia bersama). Sebagai seorang pemeriksa tesis (luaran dan dalaman), beliau telah ditugaskan untuk menilai 5 Disertasi Ph.D. (2 dari Australia) dan 5 Sarjana Tesis. Beliau juga merupakan seorang Mentor dalam Program Penyerapan Bahasa Inggeris, Fakulti Kejuruteraan, UPM pada tahun 2013. Beliau telah terlibat sebagai Penyelidik Bersekutu dalam Bahan Pemrosesan dan Teknologi Makmal, Institut Teknologi Maju (ITMA), UPM sejak Mei 2011. Selain itu, beliau telah berkhidmat sebagai Penasihat Pelajar dan Moderator Soalan Peperiksaan Akhir di Jabatan Kejuruteraan Awam, UPM sejak Julai 2010.

Dr. Ahsan telah menerima pelbagai anugerah antarabangsa dan kebangsaan untuk rekod akademik yang cemerlang selepas menyertai UPM. The Marquies Who's Who, Amerika Syarikat telah menganugerahkan beliau "Who's Who in the World" untuk 3 tahun berturut-turut (2013-2015) dan "Who's Who in Science and Engineering" selama 2 tahun (2011 dan 2015). The International Biographical Centre (IBC), UK telah menganugerahkan beliau "Leading Engineers of the World 2013", "The Cambridge Certificate for Outstanding Engineering Achievement 2013", "2000 Outstanding Intellectuals of the 21st Century" selama 3 tahun (2012, 2013 dan 2015), "Top 100 Educators 2012" and "One World Series in Education 2012". The American Biographical Institute (ABI), Amerika Syarikat telah menganugerahkan "Scientific Award of Excellence 2011" and "Man of the Year 2011". Di UPM, Dr. Ahsan menerima Anugerah Kecemerlangan Dalam Pengajaran selama 4 tahun berturut-turut dari tahun 2010 hingga 2013. Beliau juga telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi 2 tahun berturut-turut pada 2012 dan 2013 untuk prestasi yang tinggi dalam penyelidikan. Pencapaian Sasaran Kerja Tahunan beliau adalah masing-masing 90.33, 92.94, 95.15 dan 94.78% bagi empat (4) tahun berturut-turut dari tahun 2011 hingga 2014 di UPM.

Dr. Ahsan telah mendapat geran penyelidikan bernilai lebih RM1 juta merangkumi tajaan daripada University of Fukui, Jepun (Adventure Fund); Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Malaysia (Science Fund); Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), Malaysia (Fundamental Research Grant Skim-FRGS); dan Universiti Putra Malaysia (Research University Grant Scheme-RUGS, dan Putra Grant), Malaysia (sebagai penyelidik prinsipal dan penyelidik bersama). Beliau bekerja selama setahun dengan projek kerjasama

antarabangsa (pada tahun 2004), Integrated Management and Safe Disposal of Municipal Solid Waste in Least Developed Asian Countries (WasteSafe), di bawah Asia Pro Eco Program of the European Commission (European Union) yang membantu beliau untuk membangunkan latar belakang penyelidikan yang lebih kukuh.

Dr. Ahsan telah terlibat dalam kerjasama penyelidikan dengan ramai penyelidik dan saintis di dunia, contohnya dari Australia, Jerman, United Kingdom, Jepun, Malaysia, Oman, China, Thailand, India, Nepal dan Bangladesh sejak tahun 2004. Hasil daripada penyelidikan inovatif beliau, beliau telah menerbitkan 7 buah buku (contohnya 4 oleh InTech Publishers dan 1 oleh Nova Science Publishers), 9 bab buku (contohnya 2 oleh Springer Publishers, 2 oleh InTech Publishers dan 2 oleh Nova Science Publishers), 71 artikel jurnal (kebanyakannya ISI) dan 17 artikel persidangan antarabangsa. Kertas kerja saintifik beliau telah dibentangkan di pelbagai persidangan antarabangsa / kongres dunia, seperti di Australia, Kanada, Jerman, Jepun, China, Sepanyol, Malaysia, Jordan, Peru, Bangladesh dan Nepal. Indeks-h beliau dalam Google adalah 12 dan dalam Scopus adalah 10.

Dr. Ahsan telah berkhidmat dalam lembaga penasihat dan editorial untuk 14 jurnal saintifik antarabangsa untuk masa yang lama sebagai Ketua Pengarang (International Journal of Civil Engineering dan Global Journal of Earth Science and Engineering), sebagai Editor / Editor Bersekutu (International Journal of GEOMATE; Hydro Nepal: Journal of Water, Energy and Environment; Journal of Hydrology and Environment Research; dan Journal of Bangladesh Association of Young Researchers) dan sebagai Ahli Lembaga Pengarang (The Journal of Solid Waste Technology and Management; Current World Environment; International Journal of Environment; The Open Waste Management Journal; Research in Civil and Environmental Engineering; International Journal of Water Resources and Environmental Engineering; Global Journal of Energy Technology Research Updates; dan Current Environmental Engineering).

Beliau telah terlibat dalam menganjurkan lebih daripada 20 konferens antarabangsa sebagai Ahli Jawatankuasa Teknikal Program di pelbagai negara untuk jangka masa yang lama termasuk the 8th Innovation Arabia Conference: Innovate, Collaborate, and Differentiate" pada 16-18 Februari, 2015 di Dubai, UAE.